




MAKLUMAT INOVASI 2014

Tajuk Inovasi	Program P2T Kambing Tenusu
Nama	<p>DR. MD ISA BIN GIMIN</p> 
Latarbelakang	<p>Industri ternakan kambing tenusu melalui fasa yang suram. Ini disebabkan pengurusan yang tidak memuaskan, pemakanan yang kurang berkualiti, perhatian kepada aspek kawalan penyakit yang terabai serta tahap pembiakan yang rendah. Produktiviti yang rendah ini menyebabkan industri ini tidak dapat bertahan dan berdaya maju. Untuk mengatasi masalah ini, inisiatif Program P2T diwujudkan.</p>
Ringkasan Inovasi	<p>Inovasi Program P2T ini ialah satu program pemulihan dan pemuliharaan ternakan yang diketogorikan sebagai ternakan takai untuk dijadikan induk yang produktif, ia meliputi beberapa peringkat, bermula dengan pemilihan dan pembelian induk-induk takai di kawasan berdekatan, diikuti dengan proses pemulihan dan akhirnya dibiakkan.</p> <p>Pemilihan dan pembelian induk-induk takai yang masih berpotensi dari kawasan ladang berdekatan merupakan aspek paling penting kerana penternak akan membuat pemilihan dari segi baka terpilih yang sudah diketahui kemampuan penghasilan susu nya serta mempunyai sejarah prestasi pembiakan dan pemakanan yang baik dan dalam masa yang sama mestilah harga yang berpatutan.</p> <p>Ternakan takai ini akan dibeli dan diasingkan di ladang milik beliau sebelum menjalani Program P2T. Program pemuliharaan ini meliputi aspek kesihatan seperti pemberian antibiotic dan ubat cacing bagi memastikan ternakan ini bebas dari sebarang penyakit dan dalam masa yang sama diberi pemakanan yang mempunyai nilai kandungan nutrisi yang tinggi berserta vitamin bagi membantu mengembalikan keupayaan ternakan tersebut untuk dibiakan dan akhirnya menghasilkan susu yang banyak dan berkualiti</p> <p>Program ini mengambil masa tidak melebihi 3 bulan untuk dijalankan sebelum induk-induk ini dapat dibiakan mengikut progam pembiakan yang telah diatur mengikut kesesuaian ladang tersebut.</p>

<p>Faedah Inovasi</p>	<p>i. Penjimatan kos</p> <p>Perolehan induk pembiak yang dikategorikan sebagai takai adalah jauh lebih murah RM 1200 berbanding dengan harga baka biasa RM 3200.</p> <p>ii. Penjimatan Masa</p> <p>Penjimatan masa untuk memulihara induk dari anak akan memerlukan masa yang lama sehingga mencapai umur setahun. Bagi program ini tempoh masa dipendekkan sehingga 3 bulan sahaja.</p> <p>iii. Peningkatan Hasil Kerja</p> <p>Peningkatan hasil pengeluaran susu ditingkatkan daripada 500ml kepada 3000ml. Pada masa yang sama induk-induk yang melalui program ini dapat dipasarkan semula pada harga baka yang berkualiti mencapai harga pasaran melebihi RM3000 seekor.</p> <p>iv. Kepuasan Pelanggan</p> <p>Konsep ini telah dikembangkan kepada beberapa pentemak yang baru di Daerah Kluang disamping itu susu yang dihasilkan juga mempunyai rasa yang lebih berkrım dan diminati oleh pelanggan.</p>
<p>Maklumat Lanjut</p>	<p>Nama : DR. MD ISA BIN GIMIN Alamat : JLN SALMAN, KG DATO IBRAHIM MAJTD, 86300, SIMPANG RENGGAM, JOHOR. No. Tel : 017- 7519118 Email : mdisa@mflour.com.my Webmail : -</p>
<p>Gambar Produk Inovasi</p>	<div style="text-align: center;"> <h2 style="color: #8B4513;">Perbezaan</h2> <hr style="border: 0.5px solid #8B4513;"/>  </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; text-align: center;"> <div data-bbox="624 1429 874 1491"> <p>Sebelum menjalani Program P2T</p> </div> <div data-bbox="1046 1429 1281 1491"> <p>Selepas menjalani Program P2T</p> </div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 10px;">   </div>